



BERITA SELANGOR

27 JANUARY 2015 - 2:54 PM

Sumbangan RM10,000 bantu pusat terapi autisme

Oleh: AFEEQA AFEERA

SELAYANG, 27 JAN: Peralatan dan barangan bernilai RM10,000 disumbangkan untuk membantu kanak-kanak autistik agar golongan istimewa itu dapat menjalani kehidupan lebih baik.

Sumbangan itu diserahkan kepada Pusat Jagaan Terapi Autistik Nouri (Letzhop) yang disempurnakan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Selain bantuan peralatan, Kerajaan Negeri turut menyerahkan sumbangan bernilai RM3,000 bagi tujuan melicinkan operasi pusat jagaan itu yang mula ditubuhkan pada November 2013.



Daroyah berkata Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keperluan ibu bapa untuk memberi pendidikan terbaik kepada anak-anak autistik melalui terapi berterusan.

"Ramai di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak autistik tetapi tidak mampu untuk menghantar anak mereka ke pusat jagaan bagi mendapatkan terapi yang sepatutnya.

"Dengan adanya pusat jagaan seperti ini yang menawarkan khidmat terapi dengan yuran berpatutan, saya kira ia satu usaha baik dan Kerajaan Negeri memberi sokongan untuk membantu meringankan beban pusat jagaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di Pusat Jagaan Letzhop di Selayang Paragon, di sini.

Daroyah turut meminta mana-mana pusat jagaan autistik yang layak memohon bantuan daripada Kerajaan Negeri di bawah stanco kebajikan.

Katanya meskipun bantuan yang diberikan tidak tinggi, namun ia sedikit sebanyak meringankan bagi menampung bilangan kanak-kanak autisme semakin bertambah.

"Kerajaan Negeri tidak menetapkan peruntukan khas sebarang perkara berkaitan kebajikan, tetapi sekiranya ada permohonan kita uruskan secepat mungkin.

"Kita harapkan bantuan ini dapat meringankan beban mereka yang memiliki pusat jagaan seperti ini yang sangat berguna untuk mendidik anak-anak

BERITA BERKAITAN

Mangsa kebakaran Kampung Hulu Bernam dibantu

APA KES?: Petugas kaunter JKM kasar, Exco tunggu laporan penuh

Selangor hulu bantuan RM15,000 mangsa banjir Cameron Highlands

Mesra Sihat Selangor pastikan rakyat dapat pemeriksaan terbaik

Perbesarkan Klinik Kesihatan Kapar, sesak tampung 70,000 penduduk

1,000 peserta sertai Walk-a-Payung sokong pesakit SLE

TV SELANGOR LIVE

VIDEO TERKINI



Pemilik rumah pangsa tapak Datum Jelatek diberi pampasan "terlalu besar"
26 JANUARY 2015



Perbincangan lanjut pilihanraya tempatan di Selangor perlu dilaksanakan
26 JANUARY 2015



MB: Jangan guna sentimen perkauman halang pembangunan
26 JANUARY 2015



Parkir baharu bantu selesaikan isu letak kereta SS15, SS14
26 JANUARY 2015



PKNS, Raudhah City meterai MoU bangun Bandar Raudhah RM12.3 bilion
26 JANUARY 2015


[Arkib Akhbar Selangor Kini](#)
[SelangorKini Edisi Mandarin](#)

istimewa," katanya lagi.

Sementara itu, Pengurus Letzhop Cawangan Selayang, Fakhri Affandi, berkata bantuan itu dapat meringankan beban operasi pusat jagaan berkenaan bagi memberi pendidikan dan terapi sempurna kepada kanak-kanak yang menghidap autisme.

Katanya bantuan peralatan itu sedikit sebanyak mampu merangsang perkembangan kanak-kanak autistik yang memerlukan perhatian dan terapi khusus.

"Setakat ini kami bergerak secara terhad dengan kemudahan yang ada untuk mendidik anak-anak autistik ini dan ada menerima bantuan daripada orang persendirian, syarikat korporat dan terbaru Kerajaan Negeri.

"Kami sangat bersyukur dengan bantuan yang diberikan dan sentiasa mengalu-alukan jika ada pihak yang ingin tampil membantu," katanya.

EZY

← Peniaga serah lesen kepada warga asing disenarai hitam

SELCAT: Pihak ketiga gagal jawab punca keberkesanan FOI dipersoalkan →

0 Comments Selangorkini

Login ▾

Sort by Best ▾

Share ↗ Favorite ★



Start the discussion...

Be the first to comment.

ALSO ON SELANGORKINI

Penduduk sokong pembangunan bijak Datum Jelatek

1 comment • 5 days ago



anti_keling — ni melayu bebal mana ko amek buat penuhkan interview ko ni????????!!!!!!makin lama makin ke ...

100 HARI: Pentadbiran baharu rai Adun Pembangkang

1 comment • a month ago



Penggemar Tumbuhan Hijau — pembangkang juga sebagai sebahagian dp sistem/perjalanan pentadbiran ...

Selangor ambil tindakan jika pemilik premis ganggu naik taraf Sungai Binjai

1 comment • 22 days ago



Lyana — Kadang2 permit tak lepas mesti ada yang tak kena... check balik


Peruntukan RM83.8 juta baiki jalan Bandar Raya Shah Alam

1 comment • 6 days ago



ezza — diharapkan peruntukan yang akan diberi tidak hanya dikawasan BANDAR shah alam.. seharusnya di seluruh ...

MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR



Find us on Facebook



Media Selangorku

Like



Media Selangorku shared a link.
33 mins



Pasukan khas atasi kes denggi naik mendadak

Oleh : AFEEQA AFEERA SELAYANG, 27 JAN: Ekoran peningkatan jumlah kes

159,101 people like Media Selangorku.



Facebook social plugin

Subscribe

Add Disqus to your site

Privacy

Tweets
Follow


Media Selangorku 3h
@MediaSelangorku
Pasukan khas atasi kes denggi naik mendadak
bit.ly/1JUAA4t
Expand


Media Selangorku 4h
@MediaSelangorku
SELCAT: Pihak ketiga gagal jawab punca
keberkesanan FOI dipersoalkan bit.ly/1JUfmKH
Expand


Media Selangorku 5h
@MediaSelangorku
Sumbangan RM10,000 bantu pusat terapi autisme
bit.ly/1JU5twg
Expand


Media Selangorku 6h
@MediaSelangorku
Peniaga serah lesen kepada warga asing disenarai
hitam bit.ly/1H3kr7a
Expand


Media Selangorku 6h
Tweet to @MediaSelangorku

[LAMAN UTAMA](#)
[SELANGOR](#)
[NASIONAL](#)
[KENYATAAN MEDIA](#)
[RENCANA](#)
[AKTIVITI YB](#)



Hakcipta © 2015 - Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Pejabat Urusan Selangor Kini, Communication Corporation Sdn Bhd.

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 &nsbp; Emel: newselangorkini@gmail.com